BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

EMBARGO: Tidak boleh disiarkan atau diterbitkan sebelum jam 1600 pada hari Jumaat, 28 Disember 2001

SIARAN AKHBAR
PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN
NOVEMBER 2001

Pada bulan November, kadar faedah kekal stabil pada tahap semasa yang rendah. Kadar faedah yang kompetitif dan mudah tunai yang lega telah menyumbang kepada aktiviti berian pinjaman yang berterusan. Pembiayaan untuk sektor swasta yang lebih tinggi dan operasi Kerajaan yang mengembang telah menyokong kepada peningkatan agregat monetari pada bulan ini. Sementara itu, rizab antarabangsa terus meningkat pada bulan November dan separuh pertama bulan Disember. Indeks Komposit Bursa Saham Kuala Lumpur (KLSE CI) juga terus menunjukkan arah aliran yang positif pada bulan November dan tiga minggu pertama bulan Disember.

Kadar faedah antara bank secara relatifnya kekal stabil

Kadar faedah pasaran wang antara bank secara relatifnya kekal stabil pada bulan ini. BNM telah menyerap lebihan mudah tunai sebanyak RM1 bilion pada bulan November, berikutan peningkatan aliran masuk dana bersih menerusi perdagangan dan pelaburan langsung asing.



Operasi mudah tunai BNM bermatlamat untuk mengekalkan kadar faedah antara bank yang stabil



Mudah tunai dalam sistem perbankan kekal lega



Kadar faedah antara bank kekal rendah dan stabil dalam bulan November

Sementara itu, **kadar purata berian pinjaman asas (BLR)** bank perdagangan dan syarikat kewangan kekal tidak berubah pada bulan November. Walau bagaimanapun, kadar purata berian pinjaman (ALR) bank perdagangan dan syarikat kewangan terus menurun masing-masing kepada 6.81% dan 10.32% pada akhir bulan November (6.96% dan 10.38% pada akhir bulan Oktober).

Kadar Faedah Berian Pinjaman: BP & SK



BLR bank perdagangan dan syarikat kewangan kekal tidak berubah. ALR bank perdagangan dan syarikat kewangan menurun

Pada 15 Disember, **purata kadar faedah deposit tetap yang ditawarkan** oleh bank perdagangan dan syarikat kewangan bagi tempoh matang 1-bulan hingga 12-bulan kekal tidak berubah, masing-masing pada 3.20-4.00% dan 3.20-4.01%.

Struktur Terma Kadar Deposit Tetap: Bank Perdagangan



Kadar faedah deposit tetap bank perdagangan kekal tidak berubah



… begitu juga dengan kadar faedah deposit tetap syarikat kewangan



Kadar faedah benar deposit tetap 3-bulan lebih rendah berikutan peningkatan kecil inflasi pada bulan November.

Ringgit meningkat nilai berbanding mata wang utama sementara mencatatkan prestasi bercampur-campur berbanding mata wang serantau pada bulan November

Pada bulan November, **nilai ringgit meningkat berbanding mata wang utama**. Nilai ringgit meningkat berbanding dengan yen Jepun (1.6%), euro (2.1%) dan paun sterling (2.0%), selaras dengan pergerakan dolar AS di pasaran pertukaran mata wang asing antarabangsa. Nilai dolar AS mengukuh berikutan keyakinan pasaran terhadap prospek pemulihan ekonomi AS dan penyelesaian segera konflik di Afghanistan.

Prestasi Ringgit berbanding Mata Wang Utama



Ringgit meningkat nilai berbanding mata wang utama pada bulan November

Nilai ringgit mencatat prestasi bercampur-campur berbanding mata wang serantau. Ringgit meningkat nilai berbanding dolar Singapura sebanyak 0.4% dan rupiah sebanyak 0.2%, sementara merosot berbanding baht Thai dan won Korea masing-masing sebanyak 1.6% dan 2.2%. Pergerakan mata wang didorong oleh permintaan komersial dan perkembangan dalam negeri. Won Korea dan baht Thai meningkat nilai, didorong oleh kemasukan dana portfolio.

Prestasi Ringgit berbanding Mata Wang Serantau



Ringgit mencatat prestasi yang bercampur-campur berbanding mata wang serantau pada bulan November

Sepanjang tempoh **1 – 21 November**, nilai ringgit mencatat prestasi yang bercampur-campur berbanding mata wang utama. Nilai ringgit meningkat berbanding yen Jepun sebanyak 4.4% berikutan kebimbangan pasaran mengenai prospek ekonomi negara tersebut. Walau bagaimanapun, ringgit turun nilai berbanding dengan euro sebanyak 1.5% dan berbanding paun sterling sebanyak 1.8% disebabkan oleh pulangan yang lebih tinggi ke atas aset Eropah berbanding dengan aset AS. Nilai ringgit menyusut berbanding mata wang serantau yang lain dalam lingkungan 0.1% - 2.4%, sementara meningkat berbanding dolar Singapura dan won Korea masing-masing sebanyak 0.6% dan 2.5%. Sejak akhir-2000, nilai ringgit telah meningkat berbanding yen Jepun sebanyak 12.8%, euro sebanyak 3.2% dan paun sterling sebanyak 2.8%, dan juga meningkat berbanding mata wang serantau dalam lingkungan 1.5% - 6.4%. Walaupun dengan peningkatan nilai ringgit berbanding dengan mata wang utama dan serantau pada tahun 2001, ringgit kekal pada paras yang sebenar dan disokong oleh asas makroekonomi yang bertambah kukuh. Rizab antarabangsa yang meningkat, inflasi yang rendah dan sistem perbankan yang bermodal secukupnya adalah sebahagian daripada asas-asas ekonomi yang kukuh ini.

Prestasi Ringgit Berbanding Mata Wang Terpilih

RM kepada satu unit mata wang asing	2 September 1998	Akhir-Nov. 2001	21 Disember 2001	% Perubahan		
				November 2001	Jan.-21 Dis. 2001	2 Sep. 1998-21 Dis. 2001
Dolar AS	3.8000	3.8000	3.8000	0.0	0.0	0.0
Euro	-	3.3708	3.4236	2.1	3.2	-
Paun Sterling	6.3708	5.4158	5.5144	2.0	2.8	15.5
100 yen Jepun	2.7742	3.0674	2.9372	1.6	12.8	-5.5
Dolar Singapura	2.1998	2.0756	2.0623	0.4	6.4	6.7
100 baht Thai	9.3713	8.6462	8.6501	-1.6	1.5	8.3
100 peso Filipina	8.8302	7.3148	7.4233	0.0	2.5	19.0
100 rupiah Indonesia	0.0354	0.0363	0.0372	0.3	6.2	-4.8
100 won Korea	0.2827	0.3006	0.2934	-2.2	3.0	-3.6

Inflasi kekal rendah

Inflasi**,** yang diukur oleh **Indeks Harga Pengguna (IHP)**, meningkat kepada 1.5% pada asas tahunan pada bulan November (Oktober: 0.9%). Pada asas bulanan, IHP keseluruhannya meningkat sebanyak 0.8%. Kenaikan kadar inflasi ini terutamanya disebabkan oleh kenaikan yang lebih tinggi bagi pengangkutan dan perhubungan, makanan, serta minuman dan tembakau. Sebahagian besar daripada kenaikan yang lebih tinggi bagi pengangkutan dan perhubungan, dan minuman dan tembakau mencerminkan kesan daripada harga petrol yang lebih tinggi dan kenaikan duti import dan eksais ke atas rokok dan tembakau yang telah diumumkan dalam Belanjawan 2002. Sementara itu, kenaikan yang lebih tinggi bagi makanan di rumah – khususnya daging, ikan dan makanan laut, dan buah-buahan dan sayur-sayuran – sebahagiannya disebabkan oleh permintaan yang lebih tinggi berikutan perayaan Deepavali dan kekurangan sedikit penawaran ikan dan makanan laut disebabkan oleh keadaan cuaca yang kurang baik di pantai timur.

Indeks Harga Pengguna



Inflasi meningkat pada bulan November

Harga pengeluar terus menyusut

Indeks Harga Pengeluar (IHPR) terus menurun sebanyak 7.9% pada asas tahunan pada bulan Oktober (September: -6.0%). Ini terutamanya disebabkan oleh harga yang lebih rendah yang dikenakan oleh pengeluar tempatan (-9.6%), berikutan harga yang lebih rendah bagi barangan yang berkaitan dengan komoditi. Ini seiring dengan harga yang lebih lemah bagi getah dan minyak mentah. Walau bagaimanapun, sebahagian daripada kejatuhan ini diimbangi oleh harga yang lebih tinggi bagi minyak sawit mentah. Tidak termasuk

sub-kumpulan yang berkaitan dengan komoditi, IHPR yang tidak berkaitan dengan komoditi menyusut pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 0.5%. Pada asas bulanan, IHPR menyusut sebanyak 3.8% pada bulan Oktober.



Harga pengeluar terus menyusut

Bekalan wang meningkat

Ketiga-tiga **agregat monetari** meningkat pada bulan November. Wang secara luas, M3 meningkat sebanyak RM1.8 bilion atau 0.4% sementara M1 mencatat peningkatan sebanyak RM1.5 bilion atau 1.9%. Pada asas tahunan, M1, M2 dan M3 masing-masing meningkat sebanyak 8.1%, 3.9% dan 4.3%.

Peningkatan dalam M3 pada bulan November mencerminkan terutamanya operasi Kerajaan yang mengembang berikutan pengeluaran deposit oleh Kerajaan untuk membiayai perbelanjaan. Di samping itu, tuntutan ke atas sektor swasta juga lebih tinggi, mencerminkan peningkatan dalam sekuriti yang dipegang oleh institusi perbankan (+RM2.5 bilion). Walaupun rizab luar negara bersih BNM meningkat pada bulan November, operasi luar memberi kesan pengecutan ke atas bekalan wang kerana peningkatan dalam rizab telah diimbangi oleh penurunan dalam harta luar negara bersih bank perdagangan. Penurunan dalam harta luar negara bersih bank perdagangan mencerminkan kematangan dana mata wang asing antara bank luar negara.

Agregat Monetari: Pertumbuhan Tahunan



Agregat monetari terus mengembang pada asas tahunan…

M3: Perubahan Bulanan



...pada asas bulanan, M3 meningkat disebabkan operasi Kerajaan yang mengembang dan tuntutan ke atas sektor swasta yang lebih tinggi

Penentu-penentu M3

(RM bilion)

	Perubahan pada bulan			
	2001			
	Sep	**Okt**	**Nov**	**Jan-Nov**
M3	5.0	-1.2	1.8	8.9
Tuntutan ke atas Kerajaan	-2.0	3.9	2.0	0.3
Tuntutan ke atas sektor swasta	3.6	1.1	1.1	19.1
Operasi luar [1/]	1.6	-1.2	-0.9	6.2
Pengaruh lain	1.8	-5.0	-0.4	-16.8

1/sebelum penilaian semula

Deposit sistem perbankan stabil, manakala pinjaman kekal kukuh

Pada asas bulanan, **jumlah deposit** secara relatifnya kekal tidak berubah. Deposit individu terus meningkat dengan ketara sebanyak RM3.8 bilion, terutamanya dalam bentuk deposit tetap dan SPI. Namun begitu, kenaikan ini telah diimbangi sebahagiannya oleh penurunan dalam deposit institusi kewangan dan perusahaan perniagaan. Deposit institusi kewangan yang lebih rendah mencerminkan pengeluaran bersih yang tinggi oleh sebuah institusi kewangan bukan bank dalam bentuk deposit tetap. Pada masa yang sama, deposit Kerajaan Persekutuan dan Badan Berkanun terus menurun, terutamanya dalam bentuk deposit SPI dan tetap. Pada asas tahunan, jumlah deposit yang disimpan dengan sistem perbankan meningkat sebanyak 2.6% pada akhir bulan November.

Perubahan Bulanan dalam Deposit **(RM juta)**

	2001		
	Sep	**Okt**	**Nov**
Penyimpan			
Kerajaan Persekutuan	1,488	-997	-586
Kerajaan Negeri	-195	-206	62
Badan Berkanun[1/]	-786	39	-476
Institusi Kewangan	-1,750	-3,136	-1,580
Perusahaan Perniagaan	4,286	-1,867	-1,177
Individu	883	2,025	3,810
Lain-lain	16	130	-110
Jumlah	3,942	-4,012	-58

Deposit individu dan Kerajaan Negeri yang lebih tinggi telah diimbangi oleh pengeluaran bersih penyimpan lain

Perubahan Bulanan dalam Deposit **(RM juta)**

	2001		
	Sep	**Okt**	**Nov**
Jenis			
Deposit tetap	-406	406	-1,975
Deposit instrumen boleh niaga *(NID)*	-256	-1,456	-642
Deposit permintaan	975	-553	826
Deposit tabungan	442	360	294
Perjanjian beli balik *(Repo)*	402	-2,818	1,085
Deposit mata wang asing	-470	287	4
Deposit SPI	3,240	-368	459
Lain-lain	16	130	-110
Jumlah	**3,942**	**-4,012**	**-58**

[1/] Termasuk kerajaan tempatan.

Deposit yang lebih rendah adalah disebabkan oleh penurunan dalam deposit tetap dan instrumen boleh niaga (NID)

Pinjaman yang diluluskan pada bulan November meningkat kepada paras yang lebih tinggi iaitu RM10.8 bilion. Kelulusan diberikan terutamanya untuk pembelian rumah kediaman dan kereta penumpang (masing-masing sebanyak RM2.4 bilion dan RM1.9 bilion) serta aktiviti perkilangan (RM1.1 bilion). Sementara itu, **pengeluaran pinjaman** kekal kukuh, berjumlah sebanyak RM30.5 bilion pada bulan November dan disalurkan kepada sektor perkilangan; perdagangan borong dan runcit; sektor perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan; dan untuk pembelian rumah kediaman dan kereta penumpang.

Kelulusan, Pengeluaran dan Pembayaran Balik Pinjaman



Kelulusan, pengeluaran dan pembayaran balik pinjaman adalah lebih tinggi

Pengeluaran Pinjaman kepada Sektor Terpilih



Pengeluaran pinjaman disalurkan terutamanya kepada sektor perkilangan, perdagangan borong dan runcit, serta untuk pembelian rumah kediaman dan kereta penumpang

Walaupun jumlah pinjaman dikeluarkan adalah tinggi, **jumlah pinjaman yang belum dijelaskan** yang diberikan oleh sistem perbankan menurun sebanyak RM1.4 bilion pada bulan November. Penurunan ini mencerminkan penyelesaian penstrukturan semula hutang syarikat-syarikat transit aliran ringan oleh Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat (CDRC). Pinjaman tidak berbayar berjumlah sebanyak RM2.9 bilion telah distruktur semula dan dikeluarkan daripada potfolio pinjaman sistem perbankan. Tidak termasuk pinjaman yang distruktur semula ini, pinjaman yang belum dijelaskan meningkat sebanyak RM1.5 bilion. Sementara itu, pinjaman untuk pembelian rumah kediaman serta kereta penumpang terus meningkat. Pada asas tahunan, pinjaman yang belum dijelaskan terus meningkat sebanyak 4.9% pada akhir bulan November.

Sistem Perbankan: Jumlah Pinjaman yang Belum Dijelaskan mengikut Sektor **(RM juta)**

	2001		
	Perubahan bulanan		Pada akhir bulan
	Oktober	November	November
Pertanian, ternakan, perhutanan dan perikanan	101	225	12,684
Perlombongan dan kuari	32	-138	1,518
Perkilangan	-319	-1,533	68,295
Elektrik, gas dan bekalan air	-187	407	6,252
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	139	242	38,991
Sektor harta benda yang luas	1,056	130	174,748
yang mana:			
Pembelian harta kediaman	*1,372*	*1,199*	*85,778*
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	210	-1,870	12,834
Perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan	27	22	35,565
Kredit penggunaan	1,362	1,028	68,349
yang mana:			
Pembelian kereta penumpang	*1,100*	*759*	*44,779*
Kad kredit	*48*	*246*	*8,619*
Pembelian sekuriti	-219	-65	30,624
Lain-lain	-206	161	20,873
Jumlah Pinjaman[1/]	**1,998**	**-1,391**	**470,732**

[1/] Termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas dan Danaharta (merangkumi pinjaman harta dan sewa beli yang belum dijelaskan).

Nota: Pecahan jumlah tidak semestinya sama dengan jumlah besar disebabkan oleh penghampiran angka.

Pinjaman yang belum dijelaskan menurun pada bulan November, mencerminkan penyelesaian penstrukturan semula hutang syarikat-syarikat transit aliran ringan

Pembiayaan agregat melalui pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta (PDS) meningkat

Pembiayaan melalui pinjaman yang diberikan oleh sistem perbankan dan PDS yang diterbitkan oleh sektor swasta meningkat sebanyak RM5 bilion pada bulan November. Justeru itu, kadar pertumbuhan tahunan meningkat kepada 7.1% pada akhir bulan November (akhir bulan Oktober: 6.7%).

Pembiayaan melalui pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta (PDS)

	Perubahan			Pertumbuhan tahunan	
	2001			2001	
	Okt	Nov	Jan.-Nov.	Okt	Nov
	RM bilion			%	
Pembiayaan melalui sistem perbankan	**1.4**	**0.7**	**22.8**	**6.5**	**6.3**
Pinjaman yang belum dijelaskan (1)	2.0	-1.4	16.7	5.4	4.9
Pegangan sekuriti hutang swasta	-0.6	2.1	6.1	38.8	44.5
Jumlah PDS * (2)	**-4.8**	**6.3**	**12.2**	**13.3**	**17.7**
Jumlah (1) + (2)	**-2.8**	**5.0**	**28.9**	**6.7**	**7.1**

* Merujuk kepada jumlah PDS yang diterbitkan oleh sektor swasta dengan tempoh matang asal lebih daripada satu tahun.
Tidak termasuk PDS yang diterbitkan oleh institusi perbankan, Khazanah, BNM, Cagamas, Danaharta dan Danamodal.
Nota: Angka-angka tidak semestinya sejumlah disebabkan oleh penggenapan.

Perolehan dana bersih yang lebih tinggi dalam pasaran modal

Dana bersih yang diperoleh dalam pasaran modal adalah lebih tinggi pada bulan November, disumbangkan terutamanya oleh pasaran sekuriti hutang swasta. Perolehan dana dalam pasaran sekuriti hutang swasta meningkat dengan nyata disebabkan oleh terbitan sekuriti hutang swasta yang besar oleh sebuah syarikat tujuan khas untuk tujuan penstrukturan semula. Sementara itu, dana yang diperolehi daripada pasaran saham kekal rendah, manakala sektor awam mencatat penebusan bersih berikutan kematangan Bon Simpanan Malaysia siri kedua.

Dana Bersih yang Diperoleh daripada Pasaran Modal [1/]



1/ Dana bersih yang diperoleh daripada pasaran modal oleh sektor swasta (termasuk bon Cagamas dan Danaharta)

Perolehan dana bersih yang lebih tinggi dalam pasaran modal pada bulan November

Indeks Komposit Bursa Saham Kuala Lumpur (*KLSE CI*) pulih pada bulan November sejajar dengan prestasi yang lebih baik di pasaran Amerika Syarikat dan serantau. Pada perkembangan domestik, pelabur menyambut baik berita mengenai penstrukturan semula beberapa syarikat korporat yang besar. Pada 30 November, *KLSE CI* ditutup pada 638.02 mata (+6.3% sejak akhir bulan Oktober), manakala permodalan pasaran berada pada RM435.98 bilion (+7.7% sejak akhir bulan Oktober). Purata urus niaga harian adalah lebih tinggi pada 371.7 juta unit (159.3 juta unit pada bulan Oktober).

Prestasi Indeks Terpilih



KLSE CI pulih dan terus meningkat

KLSE CI terus menunjukkan arah aliran yang positif pada bulan Disember berikutan prestasi yang lebih baik di pasaran Amerika Syarikat. Pelaksanaan indeks 'free-float' oleh *Morgan Stanley Capital International* tidak memberi kesan yang nyata terhadap pasaran kerana pelabur-pelabur telah mengambil kira kesannya terlebih dahulu. Pada 21 Disember, *KLSE CI* ditutup pada 665.05 mata (+4.2% sejak akhir bulan November) manakala permodalan pasaran berada pada RM448.12 bilion (+2.8% sejak akhir bulan November). Purata urus niaga harian adalah lebih tinggi pada 380 juta unit (371.7 juta unit pada bulan November).

Rizab antarabangsa

Rizab antarabangsa bersih BNM meningkat kepada RM116.5 bilion (AS$30.7 bilion) pada akhir bulan November 2001, berbanding sebanyak RM114.8 bilion (AS$30.2 bilion) pada akhir bulan Oktober 2001. Paras rizab secara relatifnya kekal stabil (RM116.7 bilion atau AS$30.7 bilion) pada 14 Disember 2001. Paras rizab ini adalah mencukupi untuk menampung 6 kali hutang luar negara jangka pendek dan membiayai 5 bulan import tertangguh. Kenaikan rizab yang berkekalan mencerminkan aliran masuk bersih yang berterusan daripada perdagangan dan pelaburan langsung asing. Aliran masuk ini adalah lebih daripada mencukupi untuk membiayai pembayaran perkhidmatan, penghantaran pulang keuntungan dan dividen pada penghujung tahun dan pembayaran balik hutang luar negara yang lebih besar. Walaupun terdapat peningkatan kemasukan dana portfolio dalam tempoh ini berikutan prestasi Bursa Saham Kuala Lumpur yang lebih memberangsangkan, aktiviti pengambilan untung telah mengakibatkan aliran keluar bersih modal portfolio.



Sistem perbankan kekal kukuh

Kedudukan modal sistem perbankan kekal kukuh pada akhir bulan November 2001 dengan nisbah modal berwajaran risiko meningkat sebanyak 10 mata asas kepada 12.6% manakala nisbah modal utama kekal pada tahap 10.6%.

Berdasarkan klasifikasi 6-bulan, jumlah NPL bersih telah menurun sebanyak RM1 bilion (-3%) kepada RM32.1 bilion berikutan kejayaan Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat (CDRC) menyusun semula hutang bagi peminjam-peminjam besar pada bulan November. Berikutan itu, nisbah NPL bersih telah menurun sebanyak 20 mata asas kepada 8.0%.

Kedudukan Kewangan Sistem Perbankan								
	1998	1999		2000		2001		
	Dis.	Jun.	Dis.	Jun.	Dis.	Sep.	Okt.	Nov.
Modal								
Nisbah Modal Utama (%)	8.7	10.4	10.1	10.7	10.5	10.5	10.6	10.6
RWCR (%)	11.8	12.9	12.5	13.0	12.4	12.5	12.5	12.6
NPL Bersih (klasifikasi 6-bulan)								
Sistem perbankan (%)	8.1	7.9	6.4	6.5	6.3	8.2	8.2	8.0
Sistem perbankan (RM juta)	31,675	29,889	23,849	24,736	24,700	32,995	33,121	32,142
Peruntukan am / Jumlah pinjaman bersih (6-bulan,%)	2.0	1.9	1.9	1.9	1.9	1.9	1.9	1.9

* Mulai Jun 1999, jadual ini mengambil kira institusi perbankan Islam.

Sistem Perbankan: Kedudukan Modal



…. RWCR meningkat kepada 12.6%

Sistem Perbankan: NPL Bersih dan Peruntukan Am



…Nisbah NPL bersih menurun kepada 8.0%

Sehingga 31 Oktober 2001, Danaharta telah mengambil alih pinjaman berjumlah RM47.8 bilion yang mana RM39.6 bilion adalah daripada sistem perbankan. Jumlah pinjaman yang diambil alih daripada sistem perbankan mewakili 38.8% daripada jumlah NPL sistem perbankan. Daripada jumlah keseluruhan pinjaman yang diambil alih, RM40.7 bilion atau 85.1% telah diuruskan dan kadar kutipan balik bagi NPL tersebut dijangka berada pada tahap 57%[1].

Pada 10 Disember 2001, Danaharta telah menyempurnakan usaha pengsekuritian yang pertama ke atas pinjaman-pinjaman yang berbayar melalui sebuat syarikat tujuan khas, Securita ABS One Berhad (Securita). Usaha pengsekuritian ini melibatkan terbitan sebanyak RM310 juta Nota Senior bertaraf "AAA" pada kadar kupon 3.875%. Kadar pulangan transaksi urus niaga ini ditetapkan pada 4%. Nota Senior tersebut merupakan sekuriti bersandarkan aset (asset-backed securities) jenis obligasi hutang bercagar yang disandarkan kepada pinjaman-pinjaman berbayar bernilai lebih kurang RM595 juta yang telah dijual kepada Securita oleh syarikat-syarikat Kumpulan Danaharta. Dana yang diperolehi daripada pengsekuritian ini akan digunakan untuk menebus bon-bon Danaharta dan juga bagi membiayai keperluan operasi.

Suntikan modal oleh Danamodal kekal pada RM3.7 bilion pada akhir November 2001. Sepanjang bulan tersebut juga, Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat (CDRC) telah menerima satu kes baru dan menyelesaikan penyusunan semula empat kes yang lain. Dengan itu, bilangan kes yang telah diterima dan yang telah diselesaikan masing-masing ialah sebanyak 63 dan 40 kes. Bilangan kes yang belum diselesaikan telah berkurangan kepada 23 kes termasuk lima kes yang sebelum ini telah diselesaikan dan kini disemak semula dan enam kes lagi yang telah dirujuk dan sedang distruktur semula oleh Danaharta.

[1] Berasaskan andaian kadar kutipan balik sifar bagi kes-kes pinjaman yang tertunggak.

Statistik kes-kes CDRC pada 30 November 2001		
	Jumlah hutang* (RM juta)	**Bilangan**
Dirujuk kepada CDRC	66,180	85
Ditarik-balik / Ditolak	9,516	22
Kes diterima oleh CDRC	56,664	63
Selesai dirumuskan	**33,963**	**40**
*Selesai dilaksanakan ** *	*28,971*	*25*
*Menunggu perlaksanaan *** *	*4,992*	*15*
Belum diselesaikan	**22,701**	**23**
Disemak semula	*2,557*	*5*
Disusun semula oleh Danaharta	*1,573*	*6*
Dengan CDRC	*18,571*	*12*

* termasuk institusi bukan bank dan luar pesisir
** termasuk 2 dipindah kepada Danaharta
*** termasuk 3 dipindah kepada Danaharta

Bank Negara Malaysia
28 Disember 2001

Perangkaan Utama Kewangan dan Perbankan

	Oktober		November	
	Baki	Pertumbuhan tahunan	Baki	Pertumbuhan tahunan
	(RM bilion)	(%)	(RM bilion)	(%)
Agregat Monetari				
Wang rizab	38.8	1.8	39.8	6.4
M1	76.1	6.2	77.6	8.1
M2	353.5	2.9	356.9	3.9
M3	463.5	3.6	465.4	4.3
Sistem Perbankan				
Jumlah deposit	473.1	2.3	473.1	2.6
Jumlah pinjaman (termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas dan Danaharta)	472.1	5.4	470.7	4.9
Jumlah pinjaman (tidak termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas dan Danaharta)	413.6	5.4	412.3	5.2
Nisbah pinjaman-deposit (%)	87.5		87.2	
Pinjaman yang diluluskan pada bulan berkenaan	9.3		10.8	
Pengeluaran pinjaman pada bulan berkenaan	30.1		30.5	
Keadaan Sistem Perbankan				
Nisbah Modal Berwajaran Risiko (RWCR) (%)	12.5		12.6	
NPL bersih: Klasifikasi 6-bulan (%)	8.2		8.0	
Rizab Antarabangsa BNM (akhir tempoh)				
Rizab dalam RM (bilion)	114.8		116.5	
Rizab dalam Dolar AS (bilion)	30.2		30.7	
Bilangan bulan import tertangguh	4.9		5.0	
Kadar Faedah pada akhir tempoh [purata bagi bulan]				
Antara bank: 1-bulan	2.99 [2.91]		2.99 [2.89]	
3-bulan	2.85 [3.04]		2.85 [3.06]	
Deposit tetap bank perdagangan: 1-bulan	3.20 [3.20]		3.20 [3.20]	
3-bulan	3.21 [3.21]		3.21 [3.21]	
BLR bank perdagangan	6.39 [6.39]		6.39 [6.39]	
Harga				
Indeks Harga Pengguna (IHP) (2000=100)	101.2	0.9	102.0	1.5
Indeks Harga Pengeluar (IHPR) 1989=100)	120.8	-7.9	-	-
Kadar Pertukaran Ringgit berbanding Matawang Terpilih (akhir tempoh)				
Euro	3.4426		3.3708	
Paun Sterling	5.5237		5.4158	
Dolar Singapura	2.0839		2.0756	
100 Yen Jepun	3.1168		3.0674	
100 Baht Thai	8.5097		8.6462	
100 Peso Filipina	7.3119		7.3148	
100 Rupiah Indonesia	0.0364		0.0363	
100 Won Korea	0.2939		0.3006	
Pasaran Modal				
Dana bersih yang diperolehi oleh:				
sektor awam (RM bilion)	-0.5		-0.3	
sektor swasta (RM bilion)	-4.3		6.8	
Indeks Komposit BSKL (akhir-tempoh)	600.07		638.02	
Nilai pasaran BSKL (RM b) (akhir tempoh)	404.88		435.98	